

# PARAMETER ADAB DAN ETIKA MAHASISWA DALAM MENJALANI PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN: SATU TINJAUAN HOLISTIK BERDASARKAN QURAN DAN SUNNAH

Muhammad Firdaus bin Hashim Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia E-mail: firdaus.muhd4777@gmail.com

Luqmanulhakim bin Sarifudin Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia E-mail: lqmnlhakim1112@gmail.com

Muhammad Hazim bin Mat Rosli Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia E-mail: <a href="mailto:hazimrosli010102070181@gmail.com">hazimrosli010102070181@gmail.com</a>

Mohd.Sobri bin Ellias Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia E-mail: <a href="mailto:sobri.ellias@usim.edu.my">sobri.ellias@usim.edu.my</a>

#### Abstrak

Perkembangan teknologi masa kini telah meyumbang kepada berlakunya transisi cara hidup masyarakat dari bentuk yang klasik kepada gaya hidup yang lebih moden dan maju. Kepesatan kemajuan yang berlaku tersebut melibatkan pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan di Malaysia khususnya. Proses pendidikan masa kini dilihat telah menapak lebih terkehadapan menerusi platform pengajian yang dijalankan secara atas talian lebih-lebih lagi pasca pandemik covid-19 yang lalu. Namun demikian kemajuan dari sudut proses pembelajaran tersebut secara tidak langsung telah memberi kesan dari sudut pengabaian etika dan adab dalam kalangan mahasiswa sewaktu menjalani proses pengajian dan pembelajaran (PDP) secara atas talian. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis adab dan etika yang sewajarnya dipraktikkan oleh golongan mahasiswa semasa menjalani proses PDP secara atas talian, seterusnya mencadangkan satu parameter yang khusus berkaitan adab dan etika ketika menjalani proses PDP secara atas talian berdasarkan perspektif Quran dan Sunnah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai metode utama kajian. Kajian ini pada akhirnya mendapati bahawa salah satu faktor yang menghalang generasi mahasiswa untuk lebih memahami dengan lebih mendalam kandungan pengajian yang disampaikan sewaktu PDP berlangsung adalah disebabkan pengabaian adab dan etika dalam kalangan mereka ketika mengikuti proses PDP tersebut secara atas talian. Kajian ini juga mencadangkan satu parameter yang berkesan melibatkan adab dan etika dalam menyelesaikan isu tersebut.

Kata kunci: Etika, Adab, PDP secara atas talian, Parameter, Quran, Sunnah

## 1. Pengenalan

Zaman digital masa kini telah membawa perubahan yang besar khusunya dalam dunia pendidikan, terutama dengan adanya ruang pembelajaran secara atas talian (online learning). Kepesatan teknologi telah memungkinkan mahasiswa untuk mengakses ilmu pengetahuan dan mengikuti kelas dari mana sahaja mereka berada dan dan pada bila-bila masa sahaja. Namun, dengan kemudahan ini, muncul cabaran baharu yang amat berkait rapat dengan isu adab dan etika mahasiswa dalam mengikuti sesi pembelajaran atas talian. Sesi pembelajaran secara atas talian pastinya memerlukan disiplin dan tanggung jawab yang tinggi daripada para mahasiswa, serta aplikasi adab dan etika yang sesuai agar proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan efektif.

Dalam konteks Islam, adab dan etika mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam segenap aspek kehidupan, termasuk dalam aktivi pengajian dan pembelajaran. Al-Quran dan Sunnah



17-18 Julai 2024 e-ISSN:2811-4051

Rasulullah secara dasarnya telah memberikan panduan yang jelas mengenai bagaimana seorang muslim sepatutnya bersikap dan berperilaku khususnya ketika menimba ilmu. Adab dalam menuntut ilmu, sama ada Ketika di dalam majlis bersemuka atau majlis yang dilakukan secara maya atau secara atas talian, melibatkan sikap hormat kepada pengajar, kejujuran, ketekunan, dan rasa tanggung jawab terhadap kelas yang dijalankan. Akhlak dan etika ini walaupun sekilas pandang ia dilihat seolah sesuatu yang mudah dan ringan akan tetapi pada masa yang sama ia memberi kesan yang besar terhadap kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap kandungan pengajaran yang disampaikan

Justeru, artikel ini akan mengkaji parameter adab dan etika yang sewajarnya dimiliki oleh mahasiswa Ketika mengikuti sesi pembelajaran secara atas talian, dengan merujuk kepada pedoman al-Quran dan Sunnah. Melalui tinjauan holistik ini, diharapkan ia dapat memberikan panduan yang efektif kepada mahasiswa untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam pembelajaran mereka, sehingga bukan hanya mencapai kecemerlangan akademik, tetapi juga membentuk karakter mahasiswa yang berbudi luhur dan berakhlak halus .Dengan demikian, pembelajaran secara atas talian tidak hanya menjadi sarana untuk menimba ilmu semata, bahkan lebih daripada itu, ia juga sebagai suatu wadah dalam membina keperibadian yang unggul bagi golongan mahasiswa.

### 2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metodologi pelaksanaannya. Kualitatif bermaksud sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berasaskan kuantiti (bersifat kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Perbezaan penting antara kajian kualitatif dan kuantitatif ialah kandungan kajian kualitatif berasaskan perkataan manakala kajian kuantitatif pula menggunakan nombor. Kajian kualitatif bererti "satu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang disifatkan oleh seorang individu atau sekumpulan tentang sesuatu masalah berkaitan kemanusiaan atau sosial (Creswell, 2014)". Kajian kualitatif juga berfokus kepada memahami proses manusia menafsirkan pengalaman, membina kehidupan dan memberi makna kepada pengalaman tersebut (Merriam, 2009).

Justeru, menerasi pendekatan kajian secara kualitatif kajian ini dilakukan untuk memahami dan meneliti parameter adab dan etika mahasiswa dalam pembelajaran secara atas talian berdasarkan perspektif Quran dan Sunnah. Metodologi kajian ini melibatkan pengumpulan data melalui kajian literatur dan analisis dokumen yang merangkumi sumber primer dan sekunder, seperti analisis dokumen daripada kajian-kajian terdahulu, dan penulisan ulama kontemporari mengenai adab dan etika dalam konteks pendidikan. Data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan kaedah anilisis tematik untuk mengenal pasti adab dan etika yang sepatutnya ditunjukkan oleh pelajar semasa pembelajaran atas talian. Langkah ini juga bertujan untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam amalan pendidikan secara maya.

### 2.1 Sorotan Literatur

#### 1) Kepentingan menuntut ilmu.

Dalam Islam, menuntut ilmu adalah satu kewajipan bagi setiap umatnya. Pepatah "tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad" dengan jelas menunjukkan betapa pentingnya ilmu dalam kehidupan sehari-hari. Tanpa ilmu, seseorang akan ketinggalan dan menghadapi kesulitan dalam mengurus kehidupan harian. Ilmu juga penting untuk membantu umat Islam agar dengan jelas dapat



17-18 Julai 2024 e-ISSN:2811-4051

membezakan antara yang baik dan yang buruk, serta yang halal dan haram. Setiap individu Muslim wajib mempelajari ilmu menjadi seorang yang bertaqwa kepada Allah seterusnya menjadi penyumbang yang bermakna kepada individu, masyarakat, dan negara.

Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda, "Menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap Muslim." (Riwayat Ahmad dan Ibn Majah).

Ilmu terbahagi kepada dua kategori iaitu fardhu ain dan fardhu kifayah. Ilmu fardhu ain adalah ilmu yang wajib dipelajari dan diamalkan oleh setiap individu Islam yang baligh dan berakal, seperti solat fardhu lima waktu dan puasa. Manakala fardhu kifayah merujuk kepada ilmu yang diperlukan untuk memenuhi keperluan hidup di dunia, sebagai contoh ilmu perubatan. Ilmu seperti ini amat penting untuk menjaga kesihatan dan kekuatan tubuh badan, yang diperlukan untuk melaksanakan pelbagai tanggungjawab sebagai khalifah di bumi. Begitu juga dengan ilmu-ilmu lain seperti pertanian, penternakan, perkilangan, penghakiman, dan sebagainya.


# 2) Pembelajaran secara atas talian.

Pada pasca pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di mana rakyat tidak dibenarkan keluar dari rumah kecuali pada waktu yang dibenarkan oleh pihak kerajaan, situasi ini telah menjejaskan semua rakyat Malaysia dari pelbagai aspek, terutama pelajar di setiap peringkat sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti yang terpaksa menjalani pembelajaran secara atas talian. Perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seiring dengan keadaan semasa perlu sentiasa beriringan dengan perkembangan pesat teknologi supaya generasi masa kini dapat bersaing di peringkat global, serta membentuk jati diri pelajar yang berwawasan, berdaya saing, dan berkemahiran. Walaupun wabak ini membawa banyak kesukaran, namun sesi pembelajaran tetap diteruskan agar pelajar tidak ketinggalan dan dapat belajar mengikut jadual yang telah ditetapkan. Tentunya pembelajaran secara atas talian agak berbeza dengan pembelajaran bersemuka, oleh itu adab ketika menuntut ilmu perlu dijaga untuk memastikan proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektifnya.

#### 3) Berakhlak dan beradab dalam menuntut ilmu secara atas talian

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, adab bermaksud tingkah laku serta tutur kata yang halus dan sopan, budi bahasa, serta budi pekerti yang halus. Sebagai contoh, cara seseorang berkelakuan dalam situasi tertentu, seperti dalam pergaulan dan sesi pembelajaran. Etika pula bermaksud prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan bagi seseorang individu atau dalam sesuatu kumpulan. Etika adalah garis panduan yang harus dipatuhi oleh para pelajar dalam menuntut ilmu. Manakala ilmu pula bermaksud pengetahuan dalam yang merangkumi keduniaan mahupun keakhiratan. Oleh itu, adab dan etika dalam menuntut ilmu amat perlu diterjemahkan dalam bentuk tuturkata dan tingkah laku walaupun sesi pembelajaran yang dilakukan adalah secara atas talian semata tanpa sesi bersemuka dengan guru.

Antara adab dan etika yang perlu diamalkan oleh para penuntut ilmu sama ada secara dalam talian atau bersemuka ialah adab dengan diri sendiri, iaitu memulakan pelajaran dengan niat yang ikhlas semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan menyucikan jiwa sebelum memulakan kelas (Imam An-Nawawi). Para pelajar amat digalakkan untuk membetulkan niat sebelum, semasa, dan selepas tamat pembelajaran agar dapat memahami setiap topik yang dipelajari dengan mudah. Para pelajar juga hendaklah bertanggungjawab dan berdisiplin dengan diri sendiri ketika melakukan





pembelajaran secara atas talian kerana guru tidak ada di hadapan mereka secara hakiki untuk memberi teguran dan nasihat bahkan hanya berinteraksi melalui peranti teknologi. Selain itu, pelajar perlu membuat persediaan awal sebelum kelas bermula. Hal ini dapat membantu para pelajar lebih bersedia di dalam kelas dan lebih cakna terhadap apa yang dipelajari. Para pelajar juga perlu melakukan prabacaan sebelum kelas bermula agar dapat lebih memahami setiap topik sebelum ia dibahaskan oleh guru selain turut menyediakan buku dan bahan penulisan yang berkaitan sebelum kelas bermula.

Selain itu, adab bersama guru juga penting, termasuk menghormati dan meberi respon balas terhadap guru. Apabila kelas berlangsung dan guru sedang mengajar secara atas talian, para pelajar perlu memberikan sepenuh perhatian terhadap penyampaian guru. Memberi respons kepada guru ketika guru bertanya adalah suatu adab yang sangat perlu dititikberatkan untuk memastikan suasana pembelajaran berjalan dengan lancer dan efektif. Guru perlu dihormati dan dimuliakan walaupun ilmu yang disampaikan oleh guru tersebut adalah secara atas talian. Selain itu, mengucapkan terima kasih kepada guru setelah tamat sesi pembelajaran juga penting. Tindakan ini dapat menggembirakan hati guru dan memberi mereka semangat untuk mengajar pada kelas yang akan datang. Walaupun belajar secara atas talian, mengucapkan terima kasih kepada guru menunjukkan tanda hormat pelajar kepada mereka. Menghormati guru merupakan satu tuntutan penting dalam agama, dan menjadi suatu etika yang baik bagi setiap pelajar untuk menghormati dan memuliakan guru yang telah mengajar dan mendidik mereka.

Antara adab yang perlu dijaga dan dipraktikkan ketika pembelajaran secara dalam talian termasuk pelajar perlu segera masuk ke dalam aplikasi sebaik sahaja guru berkongsi pautan yang akan digunakan, pelajar juga perlu membuka kamera semasa guru memulakan pengajaran, sama seperti dalam kelas fizikal. Pelajar juga mestilah dalam keadaan selesa seperti duduk, bukan berbaring di atas katil. Selain itu, meletakkan pembesar suara dalam keadaan senyap dan tidak membuat aktiviti lain semasa kuliah adalah tanggungjawab individu pelajar, walaupun guru tidak dapat melihat apa yang dilakukan pelajar di sebalik skrin komputer.

### 3. Adab Menuntut Ilmu Menurut Quran dan Hadis

Menuntut ilmu adalah kewajiban kepada setiap Muslim. Disamping itu, menuntut ilmu bukan sekadar memeperoleh pengetahuan, tetapi juga merupakan ibadah yang memiliki bunga-bunga adab dan etika yang perlu dijaga agar ibadah menuntut ilmu itu sempurna. Berikut adalah beberapa adab menuntut ilmu menurut Quran dan Hadis.

#### 3.1 Menjaga penampilan diri

Pembelajaran secara atas talian tidak menjadi penghalang untuk pelajar daripada berkemas dan mejaga penampilan diri. Pelajar perlu diingatkan juga bahawa pembelajaran dalam talian berbentuk segerak adalah sama konsepnya dengan pemebelajaran secara bersemuka kerana berlaku secara 'real time'. Secara lazimnya pensyarah akan meminta pelajar untuk membuka kamera ketika proses pembelajaran. Imej yang dipaparkan di skrin daripada kamera setiap pelajar akan kelihatan secara jelas oleh pensyarah dan juga rakan pelajar yang lain. Bagi mengelakkan sebarang keaiban tersebar, pelajar seharusnya untuk memperkemas penampilan dan memakai pakaian yang mematuhi syariah Islamiah. Menjaga penampilan bukan sahaja memberi keselesaan kepada para pelajar, bahkan menzahirkan keindahan dan kesempurnaan dalam pemakaian itu sendiri. Hal ini bertepatan dengan hadis Rasulullah S.A.W yang bersabda:

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

"Sesungguhnya Allah itu indah dan cinta akan keindahan." (HR. Muslim)



### 3.2 Bertanya jika tidak faham

Kefahaman merupakan satu titik minimum yang perlu dicapai oleh setiap pelajar dalam menuntut ilmu. Guru ditugaskan untuk menyampaikan ilmu tetapi menjadi hak pelajar untuk bertanya sekiranya mereka tidak faham. Bertanya juga menjadi salah satu adab belajar dan kebanyakan pelajar tidak cakna akan hal ini. Fokus dan teliti terhadap apa yang disampaikan oleh guru merupakan satu sikap yang bagus, tetapi ada beberapa ketika pelajar kurang faham akan perkara yang disampaikan. Oleh itu, pelajar digalakkan untuk bertanya secara langsung kepada guru sekiranya tidak faham. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya ayat ke-7:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Ertinya: "Maka, bertanyalah kepada kepada orang orang yang berilmu jika kamu tidak mengetahui".

# 3.3 Menepati masa

Bagi melancarkan proses pembelajaran atas talian, menepati masa yang telah ditetapkan merupakan tanggungjawab setiap pelajar. Dengan semudah menekan pautan link yang telah diberikan oleh guru, pelajar seharusnya tidak memiliki alasan untuk lambat menyertai kelas yang bakal dijalankann. Walaupun, pembelajaran secara atas talian memiliki masa yang fleksibel namun, menghormati waktu merupakan salah satu adab yang perlu diamalkan oleh setiap pelajar. Maka, penting bagi setiap pelajar untuk menghargai masa yang diberikan, sesuai dengan peringatan dalam Surah Al-Asr ayat 1-2.

وَٱلْعَصْرِ ١ إِنَّ ٱلْإِنسَانَ لَفِي خُسْرِ ٢

Ertinya: "Demi Masa! (1) Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian (2)

## 3.4 Menumpukan perhatian

Pelajar perlu menumpukan perhatian ketika belajar kerana merupakan asas kepada pemahaman dan penyerapan ilmu yang efektif. Dalam konteks adab belajar, menumpukan perhatian adalah tanda penghormatan kepada guru dan ilmu yangdisampaikan. Fokus yang tinggi menunjukkan sikap serius dan dedikasi terhadap pembelajaran, membolehkan pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dengan lebih baik dalam kehidupan seharian. Selain itu, sikap ini mendidik diri pelajar supaya lebih berdisiplin dan menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran secara atas talian. Hal ini, sejajar dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-A'raf ayat ke-204:

وَ إِذَا قُرِيَّ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُواْ لَهُ وَأَنصِتُواْ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Artinya: "Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahamat".

### 4. Kesan ketandusan adab terhadap pelajar.

### 4.1 Susah mengingati dan mengikuti ajaran guru.

Kurangnya adab ketika belajar, seperti sikap tidak menghormati guru atau tidak memberikan perhatian sepenuhnya, boleh mengakibatkan pelajar kesulitan dalam memahami dan mengingati ajaran yang disampaikan. Contohnya, di Universiti, pelajar yang tidak mempraktikkan adab yang baik mungkin cenderung untuk tidak memberikan perhatian penuh semasa kuliah, seperti menggunakan telefon bimbit atau berinteraksi dengan rakan-rakan mereka tanpa menghiraukan pengajaran guru. Ini boleh menyebabkan mereka gagal memahami konsep yang diajar, dan akhirnya, mengalami kekurangan dalam pencapaian akademik mereka.

Selain itu, sikap kurang adab seperti tidak menghormati ruang pembelajaran atau tidak bertanya dengan sopan kepada guru juga boleh menjejaskan persekitaran pembelajaran keseluruhan di



17-18 Julai 2024 e-ISSN:2811-4051

universiti. Ini mungkin mencetuskan rasa tidak selesa di kalangan pelajar lain atau mengganggu proses pembelajaran secara keseluruhan.

Ayat Al-Quran yang berkaitan adalah: Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil." (Surah Al-Isra, 17:24). Oleh itu, ayat ini mengingatkan pelajar tentang pentingnya menjaga adab dan menghormati guru serta proses pembelajaran agar dapat memperoleh manfaat maksimum dari ilmu yang disampaikan.

### 4.2 Berdosa dan mendapat kemurkaan Allah.

Tidak menghormati guru dan kurang sopan santun ketika belajar merupakan pelanggaran terhadap nilai-nilai Islam yang penting, seperti kesopanan, hormat, dan ketaatan kepada figur otoritas. Amalan ini dapat membawa kepada dosa dan mendapat kemurkaan Allah, kerana memperlakukan guru dengan tidak hormat adalah bertentangan dengan ajaran agama yang menekankan pentingnya penghormatan terhadap guru sebagai sumber pengetahuan dan pemimpin dalam proses pembelajaran.

Contoh yang berkaitan dengan pelajar universiti adalah ketika seorang pelajar secara tidak sengaja mengganggu kuliah dengan berbicara dengan keras kepada rakan sebelahnya, tanpa menghiraukan penjelasan yang sedang diberikan oleh pensyarah. Tindakan ini tidak hanya tidak menghormati pensyarah, tetapi juga mengganggu pembelajaran rakan sekelas yang lain. Kesopanan dan adab dalam konteks ini meliputi memberikan perhatian sepenuhnya kepada guru semasa pengajaran berlangsung, dan berbicara dengan nada yang sopan serta menghormati ruang pembelajaran.

Dalam Islam, sikap hormat terhadap guru ditegaskan oleh banyak hadis, yang menekankan pentingnya menghormati dan patuh kepada guru. Salah satu contoh hadis yang relevan adalah: "Barangsiapa yang tidak bersyukur kepada manusia, maka ia tidak bersyukur kepada Allah." (HR. Ahmad). Ini menunjukkan bahawa menghormati guru dan figur otoritas adalah suatu bentuk ketaatan kepada ajaran Islam, dan melanggarnya dapat mengakibatkan dosa dan kemurkaan Allah. Oleh itu, penting bagi pelajar universiti untuk mengamalkan adab dan kesopanan dalam proses pembelajaran, sebagai bentuk pengabdian kepada nilai-nilai agama dan untuk mencapai keberkatan dalam ilmu yang dipelajari.

## 4.3 Ilmu yang dipelajari tidak membawa kebaikan pada diri.

Ketika seseorang pelajar kurang mempraktikkan adab dalam proses pembelajaran di universiti, ia boleh mengakibatkan beberapa kesan yang merugikan. Kurangnya adab, seperti tidak memberi perhatian sepenuhnya semasa kuliah, tidak menghormati pensyarah, atau tidak berinteraksi dengan rakan sekelas secara sopan, boleh menghalang pelajar daripada memperoleh manfaat maksimum daripada ilmu yang dipelajari.

Contohnya, bayangkan seorang pelajar yang selalu lewat hadir ke kelas dan meninggalkan kelas lebih awal tanpa alasan yang munasabah. Tindakan ini tidak hanya tidak menghormati pensyarah dan proses pembelajaran, tetapi juga mengganggu pembelajaran rakan sekelas yang lain. Pelajar ini mungkin tidak mendengar sepenuhnya penjelasan yang disampaikan oleh pensyarah, dan oleh itu, tidak dapat memahami dengan baik konsep yang diajar. Akibatnya, walaupun dia menghadiri kelas, ilmu yang dipelajari tidak memberi manfaat yang sepatutnya kepada dirinya kerana kurangnya konsentrasi dan perhatian.



17-18 Julai 2024 e-ISSN:2811-4051

Dalam konteks ini, adab dalam pembelajaran melibatkan memberikan perhatian sepenuhnya kepada guru semasa pengajaran berlangsung, bertanya soalan dengan sopan untuk memahami konsep dengan lebih baik, serta menghormati ruang pembelajaran dengan tidak mengganggu kelas atau rakan sekelas. Tanpa adab yang baik, pelajar mungkin tidak dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dengan betul dalam kehidupan sehari-hari, kerana kurangnya pemahaman yang mendalam dan kefahaman yang tepat terhadap konsep-konsep yang diajar.

Oleh itu, penting bagi pelajar universiti untuk mempraktikkan adab yang baik dalam proses pembelajaran, kerana adab yang baik membantu mereka untuk memperoleh manfaat maksimum daripada ilmu yang dipelajari dan untuk mengaplikasikan ilmu tersebut dengan berkesan dalam kehidupan sehari-hari. "Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya." (Surah Ar-Ra'd, 13:11).

### 4.4 Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif.

Sikap tidak beradab dalam persekitaran pembelajaran universiti boleh membawa kepada pelbagai kesan negatif, termasuk pengaruh yang tidak sihat dari persekitaran belajar tersebut. Pelajar yang tidak menghormati guru atau rakan sekelas cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku yang tidak sihat atau merugikan, yang boleh mempengaruhi proses pembelajaran dan perkembangan diri mereka.

Contohnya, bayangkan seorang pelajar yang sering mengganggu kelas dengan bertindak tidak hormat terhadap pensyarah atau rakan sekelas. Tindakan seperti ini tidak hanya mengganggu proses pembelajaran, tetapi juga boleh membuka pintu kepada pengaruh negatif lain dalam persekitaran belajar, seperti tekanan rakan sebaya untuk terlibat dalam tingkah laku yang tidak sihat atau merugikan, seperti penggunaan dadah atau pergaulan yang tidak sihat.

Dalam konteks ini, sikap tidak beradab boleh mencetuskan sikap negatif dan menyebabkan pelajar terlibat dalam tingkah laku yang merugikan diri mereka sendiri dan orang lain. Hal ini juga dapat mengganggu persekitaran pembelajaran secara keseluruhan, mengurangkan kualiti pembelajaran dan menghalang pencapaian akademik yang berkesan.

Oleh itu, penting bagi pelajar universiti untuk memahami kepentingan menghormati guru dan rakan sekelas, serta mempraktikkan adab yang baik dalam persekitaran pembelajaran. Dengan menghormati orang lain dan mempraktikkan adab yang baik, pelajar dapat mencipta persekitaran pembelajaran yang positif dan memberi sumbangan kepada pembangunan diri mereka sendiri serta perkembangan masyarakat universiti secara keseluruhan.

# 4.5 Ilmu yang dipelajari tidak mendapat keberkatan Allah

Ketika seseorang tidak memuliakan proses pembelajaran dengan adab yang baik, ini mencerminkan kurangnya penghargaan terhadap ilmu dan sumber-sumbernya. Kurangnya adab dalam pembelajaran dapat menyebabkan ilmu yang diperoleh tidak diberkati oleh Allah. Tanpa keberkatan dari Allah, usaha menuntut ilmu mungkin tidak mendatangkan kejayaan yang diharapkan.



17-18 Julai 2024 e-ISSN:2811-4051

Contoh yang relevan dengan pelajar universiti adalah ketika seseorang pelajar tidak menghargai proses pembelajaran dengan tidak menghadiri kelas secara teratur, tidak memberikan perhatian penuh kepada pengajar, atau tidak menghormati ruang pembelajaran dengan berkelakuan tidak sopan. Tindakan ini menunjukkan sikap kurang menghargai terhadap ilmu dan proses pembelajaran.

Dalam Islam, keberkatan dalam menuntut ilmu sangat ditekankan, dan keberkatan tersebut hanya diperoleh apabila ilmu diperoleh dengan penuh kesungguhan, adab yang baik, dan niat yang ikhlas. Tanpa adab yang baik, ilmu yang diperoleh mungkin tidak diberkati oleh Allah, dan oleh itu, tidak akan membawa kepada kejayaan yang diharapkan dalam kehidupan.

Oleh itu, penting bagi pelajar universiti untuk memuliakan proses pembelajaran dengan mempraktikkan adab yang baik, memberikan perhatian sepenuhnya kepada pengajar, hadir ke kelas dengan konsisten, dan bertindak dengan sopan santun dalam setiap interaksi di ruang pembelajaran. Dengan melakukan ini, mereka dapat memastikan bahawa usaha mereka dalam menuntut ilmu diberkati oleh Allah, dan membawa kepada kejayaan yang diingini dalam kehidupan mereka. "Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta". (Surah Taha, 20:124).

### 4.6 Dipandang tidak baik oleh guru dan rakan

Sikap tidak beradab dalam konteks persekitaran universiti dapat menyebabkan seseorang pelajar dipandang rendah oleh guru dan rakan sekelas. Tidak menghormati guru atau tidak bertindak sopan kepada rakan sekelas, misalnya dengan sikap sombong atau sikap tidak menghargai, dapat merosakkan hubungan antara pelajar dan guru, serta mempengaruhi suasana pembelajaran secara keseluruhan.

Contoh yang relevan adalah ketika seorang pelajar menunjukkan sikap tidak hormat terhadap pensyarah atau tidak menghargai kontribusi rakan sekelas dalam sesi perbincangan atau projek. Misalnya, pelajar tersebut mungkin memotong bicara pensyarah atau rakan sekelas, tidak mengambil berat terhadap pendapat mereka, atau menunjukkan sikap superioritas. Tindakan ini tidak hanya merosakkan hubungan interpersonal, tetapi juga dapat mengurangkan kualiti pembelajaran dalam kelas dan mengganggu persekitaran pembelajaran secara keseluruhan.

Dalam Islam, menghormati guru dan berinteraksi dengan sopan santun dengan rakan sekelas adalah nilai-nilai yang ditekankan. Sikap tidak beradab dalam pembelajaran adalah bertentangan dengan ajaran agama yang menekankan pentingnya adab dan kesopanan dalam setiap interaksi. Tidak hanya itu, sikap tidak beradab juga dapat menghambat perkembangan akademik dan sosial pelajar, serta merosakkan persekitaran pembelajaran yang harmoni dan produktif di universiti.

Oleh itu, penting bagi pelajar universiti untuk memahami kepentingan menghormati guru dan berinteraksi dengan sopan santun dengan rakan sekelas. Dengan mempraktikkan adab yang baik, pelajar dapat membina hubungan yang baik dengan guru dan rakan sekelas, serta menciptakan persekitaran pembelajaran yang positif dan produktif bagi perkembangan akademik dan sosial mereka.

#### 5. Parameter Adab ketika kelas atas talian

Dalam era digital yang semakin maju, kelas dalam talian telah menjadi norma baharu dalam sistem pendidikan global. Namun begitu, perubahan ini memerlukan pelarasan dari segi etika dan tatasusila



17-18 Julai 2024 e-ISSN:2811-4051

bagi memastikan pengalaman pembelajaran yang tidak dapat dilupakan dan harmoni. Menurut Mira (2020), antara adab yang perlu diterapkan dalam diri pelajar semasa kelas dalam talian ialah:

## I. Membuat persediaan sebelum kelas dimulakan

Sebelum kelas dimulakan, para penuntut ilmu sangat digalakkan untuk membaca dan membuat pembacaan mengenai topik pelajaran yang akan dibincangkan. Jika ada Latihan yang diberikan, pastikan anda menyiapkan terlebih dahulu. Selain itu, bukan persediaan ilmu sahaja yang perlu ditekankan, namun persediaan teknikal seperti berpakaian kemas dan menutup aurat, memastikan ruang pembelajaran tersusun, menyediakan alatan atau bahan-bahan yang diperlukan sebelum memulakan sesi pembelajaran dalam talian. Dengan persediaan rapi, kita akan lebih bersedia untuk menuntut ilmu.

### II. Hadir kelas tepat pada awal waktunya

Meskipun sekadar dalam talian, tetapi kita masih tetap perlu menjaga hadir awal pada waktunya. Paling utama, elakkan guru atau rakan-rakan menunggu kita sehingga melambatkan sesi pembelajaran. Adalah lebih baik jika kita bersedia lebih awal dan menunjukkan komitmen kehadiran kita. Secara tidak langsung tindakan ini akan memberi semangat kepada guru atau penceramah yang mengajar kerana melihat kesungguhan pelajar yang tidak sabar menuntut ilmu. Jika kelas dilakukan secara berkala, pastikan kita cuba memenuhi jadual kehadiran kelas dalam talian tersebut. Jika tidak dapat hadir, beritahu kepada guru awal-awal, nyatakan sebab yang munasabah dan minta maaf kerana guru kerana tidak dapat memberi komitmen kehadiran. Jangan lupa minta bantuan rakan untuk merakam sesi pembelajaran tersebut jika anda tidak hadir bagi memastikan anda tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

### III. Membuka peranti kamera semasa tempoh pembelajaran

Semasa kelas dalam talian dijalankan, adalah lebih baik para pelajar membuka peranti kamera agar guru yang mengajar dapat melihat pelajar. Hal ini kerana mengajar di dalam kelas adalah sangat berbeza dengan mengajar di hadapan skrin. Suasana pembelajaran tidak terasa nyaman jika guru tidak dapat melihat audiens kerana tidak dapat melihat reaksi dan muka pelajar dengn baik. Boleh jadi, guru terasa bercakap seorang diri di dalam kelas tanpa mengetahui adakah pelajarnya menonton dan memahami apa yang cuba disampaikan. Dari satu sudut, dengan membuka peranti kamera juga, secara tidak langsung para pelajar akan cuba untuk fokus dan memberi perhatian kerana merasakan tindak tanduk mereka diperhatikan.

#### IV. Memberi Respon dan berinteraksi dengan baik

Semasa kelas dijalankan, para pelajar perlu memastikan agar seratus peratus perhatian diberikan kepada guru yang mengajar. Hal ini kerana adab di dalam agama Islam adalah untuk menghormati guru yang memberikan ilmu. Jika guru bertanyakan soalan, segeralah memberi respon dan menjawab soalan yang dimukakan. Selain itu, elakkan daripada makan, minum, tidur, tidak menjaga kedudukan dengan baik, bermain-main dengan telefon semasa guru mengajar kerana ia menunjukkan perbuatan yang tidak beradab.

# V. Tutup peranti suara Ketika guru mengajar

Ketika guru mengajar pastikan anda jangan lupa untuk menutup peranti suara. Jika peranti suara terpasang, mungkin akan ada bunyi bunyi tambahan yang muncul dan yang membimbangkan adalah bunyi itu akan menganggu rakan-rakan dan guru yang lain. Gangguan kecil sebegini boleh menganggu guru atau pelajar lain menuntut ilmu.



Kriteria	Elemen
Sebelum Kelas	<ul> <li>Membuat Persediaan dari sudut pembacaan awal</li> <li>Mengenakan pakaian yang sopan dan menutup aurat</li> <li>Memastikan kadar bateri peranti yang digunakan mencukupi</li> <li>Meletakkan buku yang diperlukan di hadapan</li> <li>Duduk dengan cara yang selesa dan sopan</li> <li>Memilih tempat yang tiada gangguan</li> <li>Menggunakan earphone</li> <li>Membaca doa belajar</li> <li>Niat kerana Allah</li> <li>Mengingatkan rakan-rakan lain tentang kelas yang akan berjalan</li> </ul>
Ketika Kelas	<ul> <li>Diam sambil mendengar dengan khusyuk</li> <li>Hendaklah membuka kamera jika diminta</li> <li>Hendaklah menjawab dengan sopan jika ditanya</li> <li>Memohon izin untuk keluar jika ingin ke tandas</li> <li>Meletakkan <i>mic</i> dalam mod <i>mute</i></li> <li>Tidak berbual dengan rakan</li> <li>Tidak tidur</li> <li>Tidak berbaring di atas katil sambil mendengar pengajaran</li> <li>Tidak bersangka buruk terhadap guru</li> <li>Tidak melakukan urusan lain selain belajar</li> <li>Tidak mendedahkan aurat</li> <li>Tidak bergurau dengan gurauan yang berlebihan</li> <li>Tidak mendoakan sesuatu yang tidak baik kepada rakan atau guru</li> </ul>
Setelah kelas	<ul> <li>Mengucapkan ucapan terima kasih kepada guru</li> <li>Mendoakan guru dan rakan-rakan</li> <li>Memberi salam</li> <li>Menutup kamera dengan sempurna</li> <li>Mengemas meja belajar dengan teratur</li> <li>Memuji Allah kerana telah selesai mengikuti kelas</li> </ul>
Pakaian	<ul> <li>Mesti munutup aurat mengikut jantina</li> <li>Tidak memakai pakaian yang berlawanan jantina (Wanita menyerupai lelaki atau lelaki menyerupai Wanita)</li> <li>Tidak mengenakan solekan yang melampau sehingga ada unsur penipuan</li> </ul>
Muzik/Lagu Latar (Jika ada pembentangan)	<ul> <li>Tidak melambangkan pemujaan atau agama lain</li> <li>Tidak menggunakan suara atau instrumen yang erotik</li> <li>Lirik lagu tidak mengandungi unsur syirik dan kufur</li> <li>Lirik lagu tidak menyeru kepada kemungkaran dan maksiat</li> <li>Lirik lagu tidak mempromosi pemikiran-pemikiran menyeleweng</li> <li>Lirik lagu tidak mempromosikan adat atau budaya yang tidak senonoh</li> <li>Lirik lagu yang mengekalkan ayat al-Quran dan Hadis dalam Bahasa Arab perlu disebut dengan betul tanpa kesalahan yang mengubah makna atau mengosongkan makna</li> </ul>



17-18 Julai 2024 e-ISSN:2811-4051

### 6. Kesimpulan

Pembelajaran secara atas talian memang dilihat sebagai suatu wahana yang menawarkan begitu banyak kemudahan dan fleksibiliti kepada mahasiswa dalam menuntut ilmu. Namun dalam masa yang sama ia menuntut penerapan adab dan etika yang tinggi bagi memastikan proses pembelajaran yang dijalankan adalah efektif dan berkesan. Berdasarkan panduan al-Quran dan Sunnah, mahasiswa dituntut untuk mengamalkan sikap hormat kepada pengajar, jujur dalam menjalankan tugas akademik dan bertanggungjawab dalam menuntut ilmu. Dengan mengintegrasikan beberapa nilai-nilai Islam ini, mahasiswa bukan sahaja akan mencapai kecemerlangan akademik tetapi juga akan berjaya membina akhlak dan peribadi yang mulia.

Oleh itu, adab dan etika dalam pembelajaran atas talian bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan. Ia memerlukan kesedaran dan komitmen daripada setiap mahasiswa untuk mengamalkan prinsip-prinsip yang telah disebutkan di atas. Dengan menerapkan parameter adab dan etika ini, pembelajaran secara atas talian dapat menjadi lebih bermakna, bukan sahaja sebagai alat untuk memperoleh ilmu tetapi juga sebagai medium untuk membina peribadi yang unggul dan sykhsiah mulia. Sesungguhnya, kejayaan dalam menuntut ilmu bukan sahaja diukur dari sudut kecemerlangan pencapaian akademik, tetapi juga sejauh mana seseorang itu mampu mengamalkan adab dan etika yang baik dalam setiap aspek kehidupannya.

# 7. Rujukan

- Abnisa, A. P. (2022). Adab Murid Terhadap Guru Dalam Perspektif Hadits. TARQIYATUNA: *Jurnal Pendidikan Agama Islam Dan Madrasah Ibtidaiyah*, 1(2), 92–103. <a href="https://doi.org/10.36769/tarqiyatuna.v1i2.261">https://doi.org/10.36769/tarqiyatuna.v1i2.261</a>
- Farah, N., Nazim, S., & Sulaiman, A. (2021, December 24). Perspektif Ibn Jama'ah Tentang Adab Murid: Kajian Terhadap Kitab Tadhkirat Al-Sami' Wa Al-Mutakallim Fi Adab Al-'Alim Wa Al-Muta'allim.
- Marpuah, S., Ghozali, M., Kholis, N., Hassan, M. N., & Lasmi. (2022). Kesan Pembelajaran Online di Musim Pandemik Covid-19 Terhadap Perkembangan Akhlak Pelajar. Human Sustainability Procedia, 2(2), Article 2.
- Konsep Adab Menuntut Ilmu Dan Mengajarkannya | *Jurnal Da'wah*: Risalah Merintis, Da'wah Melanjutkan. (N.D.). Retrieved May 25, 2024,
- Nazim, N. F. S., & Sulaiman, A. M. (2021). Adab Murid Terhadap Guru Menurut Ibn Jama'ah: Aplikasinya Dalam Konteks Pembelajaran Dalam Talian. . . ISSN, 18.
- Sahidan, S. H. (n.d.). Adab Menuntut Ilmu: Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Norma Baharu.
- Tinjauan Penerapan Konsep Etika dan Peradaban Dalam PdP Secara Atas Talian. Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077), 20(1), Article 1. https://doi.org/10.31436/jia.v20i1.1130